

07/05/1997

Selaraskan peraturan dengan tindakan

LANGKAH mengkaji semula pelan projek yang membabitkan banyak kerja meratakan bukit dan penebangan pokok, menunjukkan betapa seriusnya kerajaan terhadap masalah pencemaran alam sekitar. Namun, sejauh mana kesannya dirasakan oleh pemaju dan kontraktor tidak dapat kita pastikan sehinggalah kita diberi bukti sahih yang menunjukkan sesuatu projek yang sudah diluluskan terpaksa ditarik balik. Walaupun wajar kita mendengar terlebih dahulu penjelasan daripada pihak yang diberi tanggungjawab memajukan sesuatu kawasan itu, tetapi ini tidak bermakna kerajaan perlu bersikap bertolak-ansur jika siasatan jelas mendapati bahawa peraturan berhubung kualiti alam sekitar sebagaimana terkandung dalam pelan projek dinafikan.

Jika ditinjau dari udara, didapati memang banyak kawasan yang sudah gondol untuk sesuatu projek pembangunan. Ia memang keadaan yang agak membimbangkan tetapi soalnya siapakah yang meluluskan kawasan berkenaan? Apakah syarat-syarat pembersihan sesuatu kawasan dijelaskan secara terperinci kepada kontraktor atau pemaju. Atau, adakah cadangan projek yang lengkap dengan peraturan mengawal alam sekitar tidak langsung diendahkan?. Yang pasti, kawasan berkenaan ditebang-tebas setelah mendapat kelulusan untuk memulakan sesuatu projek. Jika menetapi keperluan dan peraturan penjagaan alam sekitar, tidak ada sebab projek itu tidak boleh diteruskan kerana ia turut memberi manfaat kepada rakyat dan negara. Tindakan hanya diambil jika ia didapati boleh menjejaskan kualiti hidup dan mencemarkan peskitaran. Oleh itu, setiap pihak yang mendapat kelulusan membuka sesuatu kawasan tidak perlu bimbang jika setiap syarat dipatuhi. Bagaimanapun, kita berpendapat bagi pihak yang hanya berminat untuk mendapat untung daripada projek yang mereka laksanakan tanpa memikirkan kesan yang mungkin timbul akibat tindakan mengondolkan sesuatu kawasan, eloklah mereka menerima padahnya. Kita berpendapat golongan seperti ini masih ramai. Mereka hanya mematuhi arahan yang ditetapkan secara paling minimum tanpa memerlukan mereka menggunakan modal yang besar.

Pada kita, syarat yang dinyatakan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, kelmarin adalah keputusan Kabinet yang perlu dipatuhi. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan seharusnya memastikan bahawa tidak ada pihak melakukan perbuatan terlarang itu. Kita tidak mahu keputusan Kabinet itu hanya menjadi kenyataan akhbar semata-mata tanpa tindakan susulan. Tanggungjawab ini harus dipikul oleh kementerian berkenaan. Satu tempoh tertentu hendaklah diberikan kepada kementerian supaya mengenal pasti kontraktor atau pemaju yang sedang meratakan bukit dan menebang tebas hutan sewenang-wenangnya. Di beberapa negeri, keadaan seperti ini sudah menjadi pemandangan biasa.

Laporan lengkap hendaklah diberikan kepada Kabinet mengenai tindakan kontraktor atau pemaju yang berbuat demikian. Jika didapati bersalah, kelulusan projek itu perlu dikaji semula. Kelulusan yang diberikan, hendaklah ditarik balik tanpa mengira kos yang sudah pun dibelanjakan oleh syarikat terbabit.

Kementerian itu juga perlu terus menerus memastikan bahawa setiap kawasan yang dimajukan tidak melanggar arahan itu. Jika ada aduan berhubung perkara yang sama pada masa depan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terpaksa menjawab bagaimana ia boleh berlaku. Kita berpendapat kementerian perlulah mempunyai maklumat yang lengkap mengenai

sesuatu kawasan yang dimajukan tanpa menunggu aduan daripada mana-mana pihak. Apakah kita harus menunggu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri yang membongkar sesuatu keadaan itu?. Sepatutnya, kementerian berkenaan perlu terlebih dahulu mempunyai maklumat mengenai sesuatu projek yang memang boleh diperolehi daripada kerajaan-kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan. Kementerian boleh meragui kedudukan sesuatu kawasan dan menjalankan penyiasatan rapi.

Kebelakangan ini, kita perhatikan banyak arahan baru dikeluarkan berhubung masalah kelulusan dan pembersihan sesuatu kawasan.

Tetapi, pada masa yang sama kita juga perhatikan masih banyak kawasan yang terus digondolkan. Sebelum rakyat keliru dengan keadaan ini, adalah lebih baik Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menentukan garis panduan yang bukan saja untuk panduan kontraktor atau pemaju tetapi juga panduan kepada rakyat. Kita bimbang rakyat akan menganggap tidak ada penyelarasan antara peraturan dan tindakan.

(END)